



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPJ/SH(S)/JW/4/2023**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN MEMBEKAL CENDERAMATA UNTUK PEMBERIAN INSENTIF KEPADA
PEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN DI PUTRAJAYA BAGI TAHUN 2023**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KKM/MOF) beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja di bawah Kod Bidang 030201 – (cenderamata dan hadiah).
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **20 Januari 2023, jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Kenanga Aras 2, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya.. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan adalah DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat**).
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **20 Januari 2023** hingga **26 Januari 2023** dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari pada 30 Januari 2023 (Isnin)**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal **MyPROCUREMENT** <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(**PUAN SUHAILA BINTI ELEAS**)

**NAIB PRESIDEN
Jabatan Kewangan
Perbadanan Putrajaya**

